

Lebih 4,000 pakar Malaysia di luar negara telah kembali ke tanah air

SHAH ALAM - Sejumlah 4,122 golongan profesional Malaysia yang berkhidmat di luar negara telah pulang ke Malaysia melalui Program Kepulangan Pakar (REP) yang diusahakan oleh TalentCorp sejak tahun 2011.

Naib Presiden (Siswazah, Diaspora dan Perkongsian Industri) Talent Corp, Nazrul Aziz berkata, dalam tempoh itu pihaknya menerima 10,432 permohonan dengan 6,226 daripadanya telah diluluskan.

Menurutnya, setelah REP diluluskan, golongan ini diberi masa dua tahun untuk kembali ke Malaysia dan menikmati insentif yang ditawarkan.

"Lima bidang utama kumpulan profesional yang kembali adalah kejuruteraan, kewangan dan perbankan, pengurusan tertinggi, teknologi maklumat dan digital serta perubatan.

"Kebanyakan mereka berkhidmat di Singapura (16 peratus), China (14 peratus), United Kingdom (13 peratus), Australia



NAZRUL AZIZ

ra kerugian dari segi kepakaran dan peluang ekonomi.

(8 peratus) dan Amerika Syarikat (6 peratus)," katanya.

Sinar Harian baru-baru ini melaporkan Malaysia kehilangan kira-kira 500,000 pakar dalam pelbagai bidang apabila mereka memilih bekerja di negara asing, menyebabkan nega-